

MEMBANGUNKAN APLIKASI MOBIL UNTUK PEMETAAN SYAJARAT AL- ASANID DALAM KITAB SAHIH MUSLIM

Development of Mobile Application for The Mapping of Syajarat Al-Asanid in Sahih Muslim

¹Phayilah Yama, ²Nur Saadah Hamisan@Khair, ¹Mohd Norzi Nasir, ¹Noor Azli Mohamed Masrop, ¹Abdul Hadi Awang, ¹Abdul Azis Awang Kechik, ³Siti Azwanie Che Omar, ¹Nur Liyana Ahmad Nazir

phayilah@kuis.edu.my, saadahkhair@usim.edu.my, mohdnorzi@kuis.edu.my
noorazli@kuis.edu.my, abdulhadi@kuis.edu.my, abdulazis@kuis.edu.my,
siti.azwanie@yahoo.com, liyananazir9@gmail.com

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

² Universiti Sains Islam Malaysia, USIM

³ Universiti Malaya, UM

ABSTRAK

Kajian ini memilih Sahih Muslim sebagai fokus kajian dengan terperinci kepada beberapa hadis di dalam Bab Iman sahaja. Antara objektif utama kajian ini dijalankan ialah untuk menjelaskan metod susunan sanad yang digunakan oleh Imam Muslim di dalam kitabnya. Beliau terkenal dengan menggunakan beberapa simbol khas dalam penyusunan sanad-sanad perawi hadis, dan simbol-simbol ini menimbulkan beberapa masalah apabila pelajar kurang memahami susur galur jalan periwayatan hadis. Oleh itu, kajian ini menggunakan *syajarat al-asanid* sebagai kaedah bagi membantu pelajar dalam memahami penyusunan sanad hadis yang mempunyai simbol-simbol tertentu sahaja. Kajian ini juga bertujuan untuk membangunkan sebuah perisian yang berbentuk aplikasi mobil bagi memudahkan para pelajar membentuk susunan sanad tersebut dengan lebih mudah dan menghasilkan *syajarat al-asanid* yang tepat berkonsepkan model reka bentuk sistem berarahan ADDIE iaitu *analysis* (analisis), *design* (reka bentuk), *development* (pembangunan), *implementation* (implimentasi) dan *evaluation* (penilaian). Justeru, aplikasi mobil yang dibangunkan dalam kajian ini merupakan salah satu inovasi yang digunakan bagi membantu pengajian hadis dilaksanakan dengan lebih efektif dan mendapat impak yang

Received: 9 October 2018

Revised: 21 November 2018

Accepted: 13 Mac 2019

lebih positif. Ia juga boleh dijadikan sebagai modul awal kepada inovasi lain dalam ilmu sanad hadis.

Kata kunci: Aplikasi mobil, syajarat al-asanid, sahih muslim, sanad, hadis.

ABSTRACT

Sahih Muslim is a collection of hadith that compiled authentic hadiths, and it is considered to be one of the highest rank among the authentic collection of Hadith. This study chooses Sahih Muslim as the main focus by highlighting number of the hadiths from the Chapter of Iman alone. Among the main objectives of this study is to explain the method of sanad arrangement applied by Imam Muslim in his book. He is well-known for using some special symbols in the arrangement of the chain of the hadith narrators, and these symbols have become one of the problems among the students in the process of learning because they have lack of understanding in the method of arrangement of the chain narrators of hadith. Therefore, this study uses syajarat al-asanid as a method to assist students in understanding the arrangement of hadith sanad with only certain symbols. This study also aims to develop a mobile application to facilitate the students to form the sanad arrangement easily and to produce syajarat al-asanid accurately. Hence, the mobile application developed in this study is one of the innovations that aims to help the learning process of the hadith in an effective way, and to produce positive impacts among the students. It can also be used as an early module for other innovations in the application of knowledge of chain narrators (sanad) of hadith.

Keywords: Mobile application, syajarat al-asanid, Sahih Muslim, sanad, hadith.

1.0 PENDAHULUAN

Ledakan dunia teknologi kini adalah sebahagian daripada kehidupan manusia moden. Penggunaan teknologi yang semakin canggih memudahkan masyarakat untuk berhubung dengan dunia luar dan dapat mengubah pelbagai aspek kehidupan manusia khususnya dalam bidang pendidikan. Kesannya yang positif dapat menampakkan masyarakat untuk menggunakan teknologi secara lebih luas bagi mempercepatkan urusan harian.

Bidang pengajian hadis adalah bidang kedua terpenting selepas al-Quran antaranya kitab sahih Muslim adalah salah satu kitab yang menghimpunkan hadis-hadis dan mempunyai kedudukan antara yang tertinggi dalam kalangan kitab-kitab hadis yang terkemuka. Malaysia adalah sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan, bidang pengajian hadis apabila dikaitkan dengan multimedia adalah satu bidang pengajian yang amat penting bagi menyempurnakan tuntutan kehidupan harian warganya dan pada masa yang sama dapat menyumbang kepakaran kepada peringkat antarabangsa. Oleh itu bidang pengajian hadis dengan multimedia ini mestilah jelas dan berfokus hala tujuhnya. Malahan hala tuju itu mestilah sentiasa dinilai dari semasa ke semasa, serta dapat melahirkan produk yang sesuai untuk kegunaan peringkat kebangsaan dan antarabangsa (JPTM, 2010).

Dalam Islam, kajian atau penelitian untuk mencari penemuan-penemuan baharu amat digalakkan dalam bidang teknologi serta menggunakannya dalam kehidupan seharian. Islam juga menuntut supaya mengembangkan teknologi sehingga menemui kebesaran dan keagungan Allah SWT yang tidak dapat ditandingi oleh segala makhluk yang ada di langit dan di bumi. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Tidakkah kamu memperhatikan bahawa Allah telah memudahkan untuk kegunaan kamu apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dan telah melimpahkan kepada kami nikmat-nimatNya yang zahir dan yang batin? Dalam pada itu, ada di antara manusia orang yang membantah mengenai (sifat-sifat) Allah Dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan atau sebarang petunjuk; dan tidak juga berdasarkan mana-mana kitab Allah yang menerangi kebenaran” (Surah Luqman, 31: 20).

Selain itu, al-Quran juga telah menceritakan beberapa peristiwa berkaitan kaedah dan penggunaan bahan pengajaran untuk digunakan bagi memastikan sesuatu pengajaran itu kekal

dalam ingatan pelajar. Contohnya, dalam proses tarbiyah Allah kepada Nabi Muhammad SAW, kaedah pengajaran yang menggunakan kaedah pandang dengan (audio visual) digunakan dalam peristiwa Israk Mikraj, seperti firman Allah SWT: Maksudnya: “Maha suci Allah Yang telah menjalankan hambaNya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid Al-Haraam (di Makkah) ke Masjid Al-Aqsa (di Palestin), yang kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah yang Maha mendengar, lagi Maha mengetahui” (Surah al-Isra’, 17:1).

Sehubungan dengan itu, perkembangan teknologi maklumat telah banyak mempengaruhi budaya kehidupan masa kini, dalam bidang pendidikan terutamanya, pengaplikasian teknologi ini dalam proses pengajaran dan pembelajaran memberikan satu anjakan baru dalam teknik pedagogi guru. Beberapa penyelidikan lepas telah membuktikan bahawa penggunaan teknologi telah dapat merevolusikan teknik pengajaran guru, serta kaedah pembelajaran para pelajar dengan cara pendidikan ini dikendalikan sesuai dengan era masa kini (Johan, 2013). Kemudahan ini juga dapat memberikan peluang kepada para pelajar meneroka, menguasai dan memperkembangkan pelbagai kemahiran dalam ilmu pengetahuan secara lebih berkesan dan bermakna dan seterusnya dapat mengaitkan pengetahuan dengan realiti sebenar. Hal ini dapat melahirkan generasi berilmu dan bijaksana yang berdaya saing untuk merealisasikan wawasan negara 2020, seterusnya membentuk tamadun yang lebih maju.

Dalam Pelan strategik ICT sektor awam 2016-2020, Unit Pemodenan Pentadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), merupakan peneraju agenda ICT telah menggariskan hala tuju perancangan dan pelaksanaan ICT sektor Awam seiring dengan agenda transformasi kerajaan ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Bagi memastikan matlamat ini tercapai, Malaysia perlu mencapai sepuluh sasaran strategik utama dalam Wawasan 2020. Cabaran ketiga daripada sepuluh strategi mencapai Wawasan 2020 adalah menyatakan bahawa Malaysia mesti mewujudkan “...masyarakat yang kluster perkhidmatan digital berorientasikan *life-event* dalam penggunaan teknologi dan berusaha meningkat ICT dalam membangunkan teknologi berilmu untuk generasi digital native dalam bidang pendidikan (MAMPU, 2016).

Justeru, pengajaran dan pembelajaran berbantuan aplikasi mobil sebenarnya merupakan pendekatan yang menggunakan aplikasi dan teknologi untuk pengajaran dan pembelajaran (Baharuddin et al, 2002). Kewujudan aplikasi dan teknologi adalah sebagai satu alternatif dan transformasi yang dapat mempelbagaikan lagi strategi untuk menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran sebagai sesuatu yang menarik dan menyeronokkan. Kemampuan multimedia dalam menyampaikan sesuatu maklumat dengan cepat dan tepat serta mampu menjadi daya tarikan bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan (Zamri & Mohamed Amin, 2008).

Oleh itu, kaedah pendidikan menggunakan aplikasi mobil wajar diketengahkan untuk mendidik mahasiswa dan mahasiswi khususnya di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) kerana mereka perlu didedahkan dengan kaedah tersebut supaya seiring dengan perkembangan teknologi semasa dan juga tidak ketinggalan memanfaatkan kemudahan yang dapat mempercepatkan kefahaman mereka dalam pembelajaran di dalam kelas. Walaupun aplikasi mobil semakin menjadi fenomena dalam negara, namun aplikasi berlandaskan ilmu agama perlu diperbanyakkan untuk menarik minat remaja suka belajar dan meneroka ilmu yang boleh diakses dimana sahaja mereka berada.

2.0 PENGAJIAN DAN PEMBELAJARAN HADIS MELALUI APLIKASI MOBIL

Kajian ini diperincikan kepada penggunaan simbol yang digunakan oleh Imam Muslim iaitu ‘ha’ (ح) yang diletak di dalam sanad. Pelbagai kajian telah dilakukan untuk menganalisis keberkesanan teknologi dalam pembelajaran hadis di kalangan pelajar universiti. Penggunaan teknologi adalah sangat luas dalam kaedah pembelajaran masa kini, antaranya termasuklah laman web dan aplikasi mobil. Syed Hassan, Zakaria, et al. (2015) dengan tajuk kajiannya *Aplikasi Teknologi Moden Dalam Memantapkan Pendidikan Sunnah Di Era Globalisasi* telah membahaskan beberapa bentuk teknologi yang telah diterima pakai dan digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran Hadis. Teknologi ternyata menghasilkan kesan yang positif dalam memudahkan pendidikan sunnah secara efektif dan pantas, tetapi dalam masa yang sama, terdapat beberapa cabaran dan kelemahan yang perlu ditangani secara bijak, contohnya penyebaran hadis palsu dan sebagainya. Ismail & Khair (2012) juga mengupas perkara yang

sama di dalam *E-Pembelajaran Pengajian Hadis: Isu dan Cabaran* bahawa pengajian Hadis menggunakan teknologi dan aplikasi moden adalah lebih mudah dan efisien, tetapi perlu mengadapi caran yang lebih mencabar berbanding cara pembelajaran tradisional.

Internet merupakan salah satu teknologi yang sangat penting untuk melayari laman sesawang yang mengandungi ruang untuk mempelajari hadis. Dalam sebuah kajian yang bertajuk *User Awareness on the Authenticity of Hadis in The Internet: A Case Study*, Mohd Zaidi & Chowdury (2017) telah mengkaji tahap kesedaran pelajar terhadap status hadis yang tersebar di internet. Kajian tersebut fokus kepada pelajar tahun akhir di Universiti Sains Islam Malaysia dan mendapati bahawa kekerapan menggunakan internet dalam mencari hadis adalah tinggi dan kebanyakan daripada mereka juga merujuk semula kepada sumber yang asal. Kajian ini juga menekankan bahawa adalah menjadi satu keperluan kepada pelajar untuk memastikan kesahihan sesebuah hadis dan mengesahkan kandungan hadis tersebut sama ada dengan merujuk kepada sumber asal atau orang yang lebih berpengetahuan dalam bidang hadis. Abdul Karim & Hazmi (2005) juga telah membuat penilaian terhadap kualiti maklumat yang disampaikan melalui internet dengan memfokuskan kepada hadis sebagai salah satu sumber Islam. Kajian tersebut bertajuk *Assessing Islamic Information Quality on the Internet: A Case of Information About Hadis*, bertujuan mengkaji tahap penggunaan internet di kalangan ahli akademik dan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dan laman web yang digunakan untuk merujuk kepada hadis. Menggunakan temubual sebagai metod utama, kajian ini mendapati bahawa kebanyakan responden sedar akan kepentingan untuk mendapatkan maklumat yang tepat menggunakan internet bagi menyusun syajarat al-Asanid dengan menggunakan aplikasi mobil memandangkan pelajar-pelajar KUIS kurang memahami simbol-simbol yang digunakan dalam penyusunan sanad-sanad terutama hadis-hadis yang mempunyai turuq pengriwayatan hadis.

Terdapat kajian lain cuba mengetengahkan beberapa laman web yang mengandungi beberapa rujukan hadis. Antaranya ialah artikel yang dihasilkan oleh Najiyah, Susanti, Riana, & Wahyudi (2017) bertajuk *Hadis degree classification for Sahih Hadis identification web based*. Kajian ini bertujuan mengkaji status hadis daripada beberapa laman web tertentu dan meletakkan hadis-hadis tersebut dalam kategori sama ada sahih, dhaif ataupun mawdu'. Salah satu laman web yang terkenal ialah Islamweb, yang telah dikaji oleh Shahril Nizam Zulkipli, Muhammad

Faidz Mohd Fadzil & Ishak Suliaman (2011). Kajiannya bertajuk *Pembelajaran Capaian Teks Hadis Berautoriti di Internet: Kajian Terhadap Laman Sesawang Islamweb* memilih *Islamweb* kerana mendapati bahawa ia adalah laman web yang menyediakan perkhidmatan capaian hadis yang bersifat takhrij dan membantu para penyelidik untuk melakukan penilaian awal terhadap hadis dari sudut takhrij. *Islamweb* juga telah menghimpunkan sebanyak 1400 kitab termasuk 543 manuskrip yang masih belum diterbitkan dari pelbagai bidang termasuklah hadis. Kajian ini mendapati bahawa *Islamweb* sangat membantu dalam memudahkan pengaplikasian ilmu takhrij Hadis, tetapi bukanlah bermakna untuk meninggalkan kitab rujukan asal.

Menggunakan teknologi dengan sebaiknya juga adalah satu usaha yang baik untuk penyampaian dan penyebaran hadis secara pantas dan berkesan. Selain *Islamweb*, *Al-Durar Al-Saniyyah* dan *Mawqi' al-Islam* juga adalah antara lamanweb yang mempunyai akses kepada kitab-kitab hadis yang banyak. Contoh kajian lain ialah *Takhrij al-Hadis Via Websites: A Study of al-Durar al-Saniyyah, Mawqi' al-Islam and Islamweb* oleh Zulkipli, Yaacob, Anas, Mohd Noor, Zainal Abidin, Wan Jamil, et al., (2017) dan *Laman Web Al-Durar Al-Saniyyah: Aplikasi Dan Keberkesanan Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Kajian Hadis Dalam Kalangan Pensyarah dan Pelajar Fakulti Pengajian Quran dan Sunah, USIM* oleh Syed Hassan, Mohamed Nor, Jaafar & Mohd Amin (2015). Secara keseluruhannya, laman web dalam kajian-kajian lepas ini menyamai dengan kajian penyelidik dari sudut metodologi kajian sebagai kaedah penghasilan aplikasi mobil. Selain itu, kemudahan laman web yang disebutkan penyelidik juga banyak membantu memudahkan dari aspek pencarian hadis. Namun, program-program ini hanya sebagai alat untuk mempercepatkan pencarian hadith bukan sebagai rujukan dalam takhrij sebagaimana rujukan buku yang asal. Internet hanyalah sekadar digunakan sebagai sumber sampingan.

Kebanyakan laman web yang mengandungi pengajian hadis menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa utama, tetapi Mohd Yusuf Ismail, Mohd Zaini Zakaria, & A. Irwan Santeri Kawaid (2011) cuba mengetengahkan beberapa laman web hadis yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama. Kajiannya yang bertajuk *Laman Web Hadis Dalam Bahasa Melayu: Satu Kajian Diskriptif* membataskan kepada tiga laman web hadis dalam bahasa Melayu iaitu <http://hadis.cikedis.com>, <http://koleksihadisnabi.blogspot.com/p/sahih-bukhari.html> dan <http://www3.pmo.gov.my/WebNotesApp/hadism.nsf/webhadismalay>. Kajian ini mendapati bahawa ketiga-tiga laman sesawang tersebut memerlukan penambahbaikan terutama dari aspek

maklumat yang dimuatkan kerana kandungan di dalamnya tidak meliputi semua bidang kajian hadis. Terdapat beberapa cadangan lain yang diutarakan di dalam kajian tersebut, antaranya ialah usaha untuk menambahkan lagi bilangan laman web hadis dalam bahasa Melayu yang berkualiti setaraf dengan bahasa lain agar masyarakat di Malaysia boleh lebih mendekati hadis dengan bahasa yang mereka gunakan seharian. Begitu juga yang diketengahkan oleh Mohd Khafidz (2008) dalam *Material Hadis Berbahasa Melayu di Internet: Perkembangan dan Visi Masa Depan*, penggunaan bahasa Melayu dalam laman web yang berkaitan hadis sedikit sebanyak membantu dalam pembelajaran dan penyebaran hadis dengan cara yang efektif dan berkesan khususnya kepada masyarakat Melayu.

Walaupun demikian, perisian internet haruslah tidak berlebihan seperti mana yang diutarakan oleh Abdullah & Khair (2013) di dalam kajiannya yang bertajuk *The Implication of Excessive Internet Usage on the Study of Hadis*. Kajian ini membahaskan beberapa implikasi negatif sekiranya internet digunakan secara berlebihan dalam pengajian hadis terutama di kalangan pelajar. Antara implikasi tersebut ialah kebergantungan yang tinggi terhadap internet untuk merujuk hadis yang boleh membawa kepada ketagihan; dan boleh dianggap sebagai cara yang mengabaikan usaha para ulama hadis dalam penyelidikan kitab-kitab hadis, sekiranya menggunakan internet secara berlebihan. Kajian ini juga mencadangkan beberapa panduan untuk menggunakan internet dalam merujuk hadis, antaranya ialah menggunakan apa sahaja medium secara sederhana; merujuk kepada sumber yang asal; menambah pengetahuan dalam teknologi; dan menambah kepakaran hadis dan teknologi secara serentak (*real time technology*).

Selari dengan perkembangan zaman, aplikasi mobil menjadi sebahagian daripada pilihan moden untuk mempelajari hadis. E-Pembelajaran (*E-learning*) yang digunapakai suatu ketika dulu kini telah berkembang menjadi M-Pembelajaran (*M-Learning*). Jamilluddin, Abd Rahman, & Razali (2017) telah mendapati bahawa walaupun M-Pembelajaran telah lama dipraktikkan di negara-negara maju, ia digunakan pada tahap sederhana di Malaysia. Syed Yahya Kamal & Zaidatun Tasir (2007) juga mendapati hal yang sama disebabkan oleh faktor penerimaan yang kurang meluas di institusi pendidikan di Malaysia, alatan yang tidak mampu diperolehi di kalangan pelajar, dan sebab-sebab lain yang menghalang daripada penggunaan mobil dalam

pembelajaran dan juga pengajaran. Walaupun demikian, penggunaan M-Pembelajaran bakal dijadikan salah satu aspek yang sangat penting dalam memantapkan pendidikan di negara.

Terdapat beberapa kajian lalu yang telah membincangkan M-Pembelajaran dan Pengajian Hadis. Antaranya ialah kajian yang dihasilkan oleh Saputra, Supriyono, & Darsono (2014) yang bertajuk *Rancang Bangun Aplikasi Pembelajaran Hadis Untuk Perangkat Mobile Berbasis Android*. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk merancang dan membuat aplikasi *mobile phone* sebagai media pembelajaran dalam mempelajari pengertian ilmu hadis yang disertai dengan hadis pilihan dan latihan latih tubi. Aplikasi pembelajaran hadis yang dibuat akan digunakan sebagai media pembelajaran dalam mempelajari pengertian ilmu hadis secara umum sehingga lebih mudah difahami oleh pelbagai generasi. Kajian ini menggunakan pendekatan prototyping. Hasil dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa aplikasi yang dibangunkan mendapat respon yang positif, mudah dioperasikan, dan kandungan di dalamnya sesuai dengan keperluan untuk mempelajari hadis. Hammady, Abdel-Hamid, Shahin, & Morsy (2015) telah membangunkan aplikasi mobil yang diberi nama EIMohafez, yang mengandungi sumber rujukan Quran dan Hadis. Dalam kajian mereka yang bertajuk *EIMohafez: An innovative multi-platform Quran/Hadis Application*, ia bertujuan untuk memperkenalkan EIMohafez sebagai satu aplikasi mobil yang boleh membantu untuk menghafaz al-Quran dan juga Hadis. Kajian tersebut ditulis dengan lebih memperincikan bidang Quran berbanding hadis, tetapi antara kelebihan yang dinyatakan ialah aplikasi EIMohafez boleh dimuat turun secara percuma daripada iOS, Android dan *Windows*, dan terjemahan dalam bahasa Inggeris juga disertakan.

Zulkipli et al. (2017) pula tidak bertujuan untuk menghasilkan aplikasi mobil yang baru, tetapi mengkaji beberapa aplikasi mobil sedia ada dalam aspek Takhrij hadis. Kajian mereka yang bertajuk *Takhrij al-Hadis via Mobile Apps: Study of 9 Imam Encyclopedia, Kutub Tis'ah and Mawsu'ah al -Hadis al- Nabawi al-Syarif* telah memilih tiga aplikasi mobil sahaja yang dianggap pelopor kepada aplikasi-aplikasi mobil yang mengandungi rujukan hadis. Pertama, *9 Imam Encyclopedia* telah diibina oleh Lidwa Pusaka (Lembaga Ilmu dan Dakwah serta Publikasi Sarana Keagamaan) yang dibangunkan oleh para alumni daripada Timur Tengah, Lembaga Ilmu Pengetahuan Islam dan Arab (LIPIA) Jakarta serta beberapa Perguruan Tinggi lainnya. Aplikasi ini adalah salah satu daripada produk mereka tambahan kepada laman web dan juga *software* yang juga dibina berkaitan dengan hadis. Ia mengandungi 63,000 hadis dari 9 kitab-kitab hadis

yang dikenali sebagai *Kutub al-Tis'ah*: Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan Tirmidzi, Sunan Nasa'i, Sunan Ibnu Majah, Musnad Ahmad, Muwatta' Malik, dan Sunan Darimi. Kedua, *Kutub Tis'ah* yang didirikan oleh Digitama Indonesia, yang juga mengandungi hadis-hadis daripada Sahih al-Bukhari (7,008 hadis), Sahih Muslim (5,362 hadis), Sunan al-Tirmidzi (3,891 hadis), Sunan Abu Dawud (4,590 hadis), Sunan al-Nasa'i (5,362 hadis), Sunan Ibn Majah (4,332 hadis), Sunan al-Darimi, (3,367 hadis) Musnad Ahmad (26,362 hadis) dan Muwata' Malik (1,594 hadis). Ketiga, *Mawsu'ah al-Hadis al-Nabawi al-Syarif* yang dibangunkan oleh al-Nazmu al-Ma'lumatiyyah al-Hadisah (Modern Information System - MIS) dengan mengumpulkan 45,000 hadis daripada Muwatta' Malik, Kutub al-Sittah, Sunan Imam Ahmad, Sunan al-Darimi dan Riyad al-Salihin. Penilaian dilakukan dengan mengambil kira beberapa aspek seperti sumber kepada hadis, sanad hadis, matan hadis, biografi perawi hadis, hukum hadis dan lain-lain. Secara keseluruhan, kajian ini mendapati ketiga-tiga aplikasi mobil ini mempunyai kelebihan yang tersendiri dan berjaya menghasilkan satu ruang kepada orang awam untuk mengakses hadis dengan lebih efisien dan fleksibel.

Muhammad Afif Effindi & Nur Alifah (2015) telah membuat kajian *Digitalisasi Arbain Nawawi Pada Android* yang menghasilkan satu aplikasi mobil yang mengandungi 42 hadis daripada Kitab *al-Arba'in* yang ditulis oleh Imam al-Nawawi. Tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mendigitalkan kitab hadis dengan menyediakan teks arab, terjemahan bahasa Indonesia, dan kemudahan audio di dalam aplikasi yang boleh dimuat turun secara percuma daripada Android sahaja. Aplikasi tersebut telah dijalankan ujikaji secara *offline* dan *online* untuk melihat keberkesanan dan tindak balas daripada pengguna. Walaupun demikian, terdapat cadangan untuk menambahbaik aplikasi tersebut, antaranya ialah rekabentuk dan kehandalan sistem yang boleh dibaiki dari masa ke semasa.

Secara keseluruhannya, pembinaan aplikasi mobil dalam penyusunan *syajarat al-Asanid* kepada pelajar semester empat dan lima dalam bidang al-Quran dan al-sunnah di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor ternyata sangat membantu pelajar untuk menyusun sanad-sanad perawi hadis dalam kitab sahih Muslim. Setelah dianalisis antara kedua-dua ujian dalam penilaian pretasi pelajar dalam penyusunan sanad hadis secara manual puratanya masih berada pada tahap yang rendah iaitu (1.60). Hal ini membuktikan pelajar masih belum menguasai

kaedah pembentukan syajarat al-Asanid secara manual dengan baik. Berbeza dengan keputusan penyusunan sanad menggunakan aplikasi mobil iaitu purata min mencapai (3.64). Perbezaan ini membolehkan aplikasi mobil yang dibina dikembangkan dengan lebih baik dan digunakan sebagai metode alternatif dalam pengajaran dan pembelajaran penyusunan sanad sesuatu hadis sama ada di dalam kelas mahupun di luar kelas.

3.0 SKOP DAN BATASAN KAJIAN

Kajian ini membataskan kepada beberapa skop penting seperti berikut:

- i. Kajian ini fokus kepada satu kitab sahaja iaitu Sahih Muslim dan mengandungi bilangan hadis yang terhad yang diambil daripada Bab Iman sahaja. Sahih Muslim dipilih kerana kedudukannya yang penting sebagai salah satu daripada kitab hadis yang utama di kalangan Ahl al-Sunnah wal Jama'ah, salah satu buku jami', yang kedua dari yang kita-kitab sahih, dan salah satu daripada Kutub Sittah. Tajuk penuh kitab ini adalah *al-Jāmi 'al-Sahīh al-Musnad al-Mukhtasar min al-Sunan bi Naql al-'Adl' an Rasūlillāh Salla Allah 'Alayh wa Sallam* (Abd Fattah, 1992). Ia mengandungi kira-kira 7190 hadis (dengan pengulangan), 4000 hadis tanpa pengulangan, dan mempunyai 43 bab di dalamnya. Dikatakan bahawa sekitar 2000 hadis di Sahih Muslim adalah sama dengan hadis yang terdapat dalam Sahih Bukhari.
- ii. Simbol 'ha' (ح) ini dipilih kerana mempunyai keunikan tersendiri yang lebih mudah difahami melalui Syajarat al-Asanid. Imam Muslim terkenal dengan menggunakan simbol yang pelbagai sebagai metod penyelidikannya yang unik. Semua simbol mempunyai makna dan kegunaan yang tersendiri dan perlu difahami untuk memahami jalur sanad yang terdapat di dalam sesuatu hadis. Antara simbol-simbol lain yang boleh ditemui dalam Sahih Muslim ialah
- iii. Kajian ini dijalankan kepada 82 orang pelajar yang mengambil subjek "Takhrij Hadis" di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Dalam pemilihan sampel, penyelidik mengedarkan ujian penyusunan takhrij hadis secara manual dan juga aplikasi mobil. Hasil daripada ujian tersebut penyelidik membuat perbandingan dan mengedarkan

borang soal-selidik untuk mendapatkan tindak balas daripada mereka terhadap simbol-simbol yang digunakan dalam penyusunan sanad perawi hadis dalam kitab Sahih Muslim terutama hadis yang mempunyai beberapa jalan (turuq) periwayatan hadis.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi merupakan kunci utama bagi melaksanakan kajian akademik dan kekuatan sesebuah kajian adalah terletak pada kerangka metodologi penyelidikannya. Bagi kajian ini, terdapat beberapa metodologi yang digunakan bagi mendapatkan data yang diperlukan, menganalisis data dan membuat penilaian terhadap data yang telah diperolehi. Kajian ini menggunakan kaedah model reka bentuk sistem berarahan ADDIE yang dikemukakan oleh Gagne (2005). ADDIE adalah merupakan akronim lima proses iaitu analisis (*analysis*), reka bentuk (*design*), pembangunan (*development*), implimentasi (*implementation*) dan penilaian (*evaluation*). Aliran proses bermula dari fasa analisis sehinggalah ke fasa penilaian dan aktiviti penilaian boleh dijalankan di mana-mana fasa yang memerlukan semakan. Menurut Gagne et al. (2005) proses keseluruhan model ini tidak semestinya mengikut urutan secara linear.

Perkara asas dalam pembangunan aplikasi ini adalah menganalisis kandungan, memilih kaedah, menggunakan media dan bahan, melakukan penilaian dan perubahan penambahbaikan aplikasi. Asas kepada pembangunan aplikasi mobil ini adalah mengumpulkan maklumat mengenai perawi, sanad dan juga matan bagi kesemua hadis yang perlu dimasukkan ke dalam aplikasi. Sehubungan dengan itu, maklumat yang dikumpulkan perlu dipastikan bahawa data yang diperolehi adalah betul. Aplikasi mobil syariat al-asanid dibangunkan menggunakan perisian “Adobe Animate CC” sebagai platform utama dalam proses pembinaan. Selain perisian “Adobe Animate CC”, perisian *Photoshop* juga digunakan bagi tujuan *painting*, proses pengeditan imej, pemilihan warna dan menggunakan alatan *painting* seperti *color replacement tool* dan *magic wand*. Pemilihan kaedah mestilah bersesuaian dengan kandungan maklumat dan pengguna bagi menarik minat para pengguna apabila menggunakan aplikasi tersebut.

Aplikasi ini dapat dimuat turun melalui *Google Play Store* di mana aplikasi ini dikhususkan kepada pengguna Android sahaja dan memerlukan aplikasi sokongan seperti aplikasi *Adobe Air* yang turut perlu untuk dimuat turun melalui *Google Play Store*. Aplikasi ini menyediakan cara baru dan mudah kepada pengguna mengenai sanad hadis. Hal ini demikian kerana aplikasi ini bertujuan untuk memperkenalkan konsep pemetaan yang lebih tepat dan mudah.

Proses reka bentuk dalam membangunkan aplikasi mobil ini melibatkan lima preses utama iaitu fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, implimentasi dan penilaian. Bermula dengan fasa analisis menyelidik memahami masalah, keperluan dan penyelesaian kajian terlebih dahulu. Seterusnya, dalam fasa reka bentuk setiap elemen Model Reka Bentuk pemetaan syajarat al-Asanid dalam bentuk visual diimplimentasikan dalam reka bentuk aplikasi mobil yang dibangunkan. Fasa penilaian merupakan proses yang terakhir dalam membangunkan aplikasi sebelum melakukan penambahbaikan selepas mendapat ulasan daripada pakar. kaedah penilaian dilakukan untuk mengkaji aspek keberkesanan perisian yang telah dibangunkan dalam meningkatkan prestasi ujian. Para pakar menggunakan aplikasi yang telah disediakan oleh pembangun dan memberikan pandangan, ulasan dan cadangan yang jujur dan bernas bagi membolehkan pembangun membuat penambahbaikan yang lebih teratur. Lima orang penilai daripada pelbagai institusi: dua penilai daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan tiga penilai daripada Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dipilih ditanggungjawabkan menilai dua bahagian yang berbeza: bidang hadis dan bidang IT. Akhir sekali, proses pengubahsuaian dan penambahbaikan aplikasi bagi membetulkan kesilapan dan kelemahan aplikasi sedia ada bagi memenuhi kehendak para pengguna.


5.0 HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pembangunan aplikasi mobil ini adalah signifikan bagi membantu pengajian dan pembelajaran hadis dilaksanakan dengan lebih baik dan efisien. Aplikasi telah direka dan masih dalam proses penambahbaikan. Rajah 1 di bawah menunjukkan laman utama aplikasi mobil. Ia mengandungi pilihan untuk mengakses kepada dua topik utama iaitu pengenalan dan juga hadis-hadis di dalam aplikasi tersebut.




Rajah 1: Laman utama aplikasi mobil syajarat al-asanid

Rajah 2 menunjukkan kandungan yang terdapat di dalam pengenalan yang mengandungi objektif aplikasi ini dibangunkan. Manakala Rajah 3 menunjukkan pilihan yang boleh diakses oleh pengguna untuk pergi ke hadis-hadis yang terkandung di dalam aplikasi tersebut. Bilangan keseluruhan hadis di dalamnya ialah 9 hadis.



Rajah 2: Pengenalan kepada aplikasi beserta objektif



Rajah 3: Pilihan kepada hadis-hadis

Rajah 4 menunjukkan salah satu contoh yang dipaparkan untuk setiap hadis yang terkandung dalam aplikasi mobil ini. Di dalam paparan untuk setiap hadis, ia mengandungi tajuk kepada

hadis, sanad lengkap, dan matan hadis. Matan hadis ditulis dalam bahasa Arab, dan terjemahannya dalam bahasa Melayu juga disediakan. Terdapat nombor dengan warna yang berbeza menunjukkan perawi sanad mengikut turutan dan membentuk sebuah diagram yang disebut syajarat al-asanid. Diagram yang terhasil ini adalah hasil utama bagi memahami susur galur sanad dalam periwayatan sesebuah hadis.



Rajah 4: Syajarat al-Asanid untuk hadis yang pertama

Berdasarkan komentar beberapa penilai, kajian ini mendapati bahawa terdapat beberapa perkara yang perlukan penambahbaikan. Antara komentar daripada pakar hadis ialah mencadangkan untuk menyemak semula susunan sanad dan ejaan nama perawi. Manakala pakar IT menyatakan bahawa teknik multimedia perlu dipelbagaikan, beberapa warna perlu ditukar, *content development* perlu dibaiki, dan rekabentuk antara muka perlu menampakkan nilai komersial. Kesemua komentar dan cadangan para penilai akan diambil tindakan selanjutnya bagi menjadikan aplikasi mobil ini mempunyai isi yang bermanfaat dan menarik minat pelajar untuk memahami susunan sanad dalam periwayatan hadis, terutama yang digunakan oleh Imam Muslim dalam Sahih Muslim.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan kepada hasil kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa majoriti pelajar lebih menguasai syajarat dengan menggunakan aplikasi berbanding kaedah manual yang diaplikasikan di dalam kelas. Justeru, aplikasi mobil yang dibangunkan dalam kajian ini merupakan salah satu inovasi yang digunakan bagi membantu pengajian hadis dilaksanakan dengan lebih efektif dan mendapat impak yang lebih positif. Ia juga boleh dijadikan sebagai modul kepada inivasi-inovasi lain dalam ilmu sanad hadis. Kepentingan kajian ini merangkumi aspek keilmuan yang pelbagai dan menyediakan solusi kepada beberapa masalah yang dihadapi dalam pengajian dan pemebelajaran pada masa kini. Usaha untuk membangunkan aplikasi mobil Syajarah al-Asanid adalah antara yang terawal yang memfokuskan kepada susunan sanad sahaja, dan ini menjadikan aplikasi ini berbeza dengan aplikasi sedia ada. Ia juga perlu dilihat sebagai salah satu bentuk teknologi yang dapat memartabatkan pengajian hadis dalam aspek penghayatan dan pengamalan dalam bentuk ilmiah dan profesional. Pengguna aplikasi ini terutama para pelajar mampu berinteraksi dengan hadis menggunakan teknologi terkini serta meluaskan skop dan manfaat daripadanya dalam bentuk-bentuk yang lebih interaktif dan berkesan.

RUJUKAN

- Abdul Karim, N. S., & Hazmi, N. R. (2005). Assessing Islamic Information Quality on the Internet: A Case of Information About Hadis. *Malaysian Journal of Library & Information Science*, 10(2), 51–66.
- Abdullah, I., & Khair, N. S. (2013). The Implication of Excessive Internet Usage on the Study of Hadis. *Journal of Islam in Asia*, 10(2), 118–128.
- Baharuddin Aris, Rio Sumarni Shariffudin, dan Manimegalai Subramaniam. (2002). Reka Bentuk Perisian Multimedia. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Effindi, M. A., & Alifah, N. (2015). Digitalisasi Arbain Nawawi Pada Android. *ENERGY: Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Teknik*, 5(2), 1–5.
- Gagne. M.G., Wager. W. W. & Keller. M. J. 2005. Principles of Instructional Design. 5th Edition. Los Angeles: Thompson Wadsworth.
- Halim, A. A., Anas, N., Zulkipli, S. N., & Mohd, M. S. (2016). Prestasi Aplikasi Hadis Digital Berteraskan Technology Acceptance Model (TAM): Suatu Tinjauan Awal. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(2), 119–129.
- Hammady, H., Abdel-Hamid, A., Shahin, M., & Morsy, H. (2015). ElMohafez : An innovative multi-platform Quran/Hadis Application. In *3rd International Conference on Islamic Applications in Computer Science And Technology*. Turkey. <https://doi.org/10.13140/RG.2.1.1536.2802>
- Ismail, M. Y., & Khair, N. S. (2012). E-Pembelajaran Pengajian Hadis: Isu dan Cabaran. In *Sunnah, Inspirasi, Inovasi dan Transformasi* (pp. 25–36). Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Jamilluddin, N. A., Abd Rahman, M. J., & Razali, N. A. (2017). Pengadaptasian “ E-Learning ” Kepada “ M- Learning ” Dalam Teknologi Pendidikan. In Seminar Pendidikan Serantau Ke-8 (pp. 572–580). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johan @ Eddy Luaran. (2013). Pengintegrasian web 2.0 dalam Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Sejarah dan Geografi. Seminar Penyelidikan Sejarah dan Geografi. Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Zaidi, N. N., & Chowdury, M. H. (2017). User Awareness On The Authenticity Of Hadis In The Internet : A Case Study. In *2ND INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadis 2017* (pp. 1–7). Selangor, Malaysia: Hadis Research Institute (INHAD), KUIS.
- Muhammad Afif Effindi, & Nur Alifah. (2015). Digitalisasi Arbain Nawawi Pada Android. *ENERGY: Jurnal Ilmiah Ilmu-Ilmu Teknik*, 5(2), 1–5.
- Najiyah, I., Susanti, S., Riana, D., & Wahyudi, M. (2017). Hadis degree classification for Sahih Hadis identification web based. In *2017 5th International Conference on Cyber and IT Service Management (CITSM)* (pp. 1–6). IEEE. <https://doi.org/10.1109/CITSM.2017.8089304>
- Saputra, A. N., Supriyono, H., & Darsono, R. (2014). Rancang Bangun Aplikasi Pembelajaran Hadis Untuk Perangkat Mobile Berbasis Android. *Jurnal Informatika*, 8(2).
- Syed Hassan, S. N., Zakaria, N., Mohd Raus, N., Hanafi, L. H., & Syed Hassan, S. N. (2015). Aplikasi Teknologi Moden Dalam Memantapkan Pendidikan Sunnah Di Era Globalisasi. *Ma'alim Al-Qur'an Wa Al-Sunnah*, 10(11), 1–12. Retrieved from <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/9968>
- Syed Yahya Kamal, S. A., & Zaidatun Tasir. (2007). Pembelajaran Masa Depan – Mobile Learning (M-Learning) di Malaysia, 122–129. <https://doi.org/10.3389/fnint.2010.00012.3>.

- Tawalibah, Muhammad ‘Abd Rahman. (1998). *Al-Imam Muslim, Manhajuhu fi Sahihihi*. Amman: Dar al-Bayariq.
- Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), (2016), *Pelan Strategik ICT Sektor Awam 2016-2020*, Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya, Malaysia.
- Zamri Mahamod dan Mohamed Amin Embi. (2008). *Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu: Teori dan Praktis*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd
- Zulkipli, S. N., Yaacob, Z., Anas, N., Mohd Noor, M. S., Zainal Abidin, M. Z. H., Wan Jamil, W. K. N., & Yakob. (2017). *Takhrij al-Hadis Via Websites: A Study of al-Durar al-Saniyyah, Mawqi’ al-Islam and Islamweb*. *PONTE: International Journal of Sciences and Research*, 73(4), 83–100.
- Zulkipli, S. N., Muhammad Faidz, M. F., & Ishak, S. (2011). *Pembelajaran Capaian Teks Hadis Berautoriti di Internet : Kajian Terhadap Laman Sesawang Islamweb*. In *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiah: Realiti dan Cabaran Semasa* (pp. 233–251). Kuala Lumpur: Jabatan al-Quran dan al-Hadis, UM.